

ANNEX 4H: GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENGGUNAAN KIT UJIAN KENDIRI COVID-19

LATAR BELAKANG

Kit Ujian Kendiri COVID-19 digunakan sebagai ujian saringan yang dilakukan sendiri oleh individu. Kit Ujian Kendiri COVID-19 tidak menggantikan fungsi diagnostik realtime reverse-transcription polymerase chain reaction (RT-PCR) untuk COVID-19 tetapi mempunyai kelebihan untuk mengesan status COVID-19 individu dengan cepat dan mudah.

1.0 JENIS KIT

Kit Ujian Kendiri COVID-19 yang boleh digunakan adalah yang telah mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA). Senarai jenis kit ujian ini akan dikemaskini di website MDA dari semasa ke semasa.

2.0 PENGGUNAAN KIT

2.1 Kriteria Penggunaan

Kit Ujian Kendiri COVID-19 boleh digunakan untuk :

- Saringan sendiri oleh mana-mana individu yang ingin mengetahui status COVID-19;
- Individu yang mempunyai kontak dengan kes COVID-19; ATAU
- Saringan-saringan lain yang bersesuaian (mengikut arahan semasa)

Pihak pengguna hendaklah memastikan kit yang dibeli telah mendapat kelulusan dari MDA.

2.2 Kedapatan Kit Ujian Kendiri COVID-19

Kit Ujian Kendiri COVID-19 boleh dibeli di fasiliti kesihatan dan kedai kedai terpilih.

2.3 Cara penggunaan Kit Ujian Kendiri COVID-19

Sebelum memulakan prosedur:-

- a) Membaca arahan penggunaan Kit Ujian Kendiri COVID-19 dengan teliti
- b) Memeriksa dan memastikan Kit Ujian Kendiri COVID-19 adalah lengkap, tidak melepasi tarikh luput dan tidak rosak.
- c) Mencuci tangan sebelum memulakan prosedur bagi mengelakkan kontaminasi silang.
- d) Memastikan tempat melakukan prosedur ini kering, bersih dan mempunyai pengudaraan yang baik.
- e) Memastikan tiada orang berhampiran bagi mengelakkan risiko jangkitan & kontaminasi silang.
- f) Sekiranya prosedur ini perlu dibantu oleh orang lain, pembantu perlu memakai sekurang-kurangnya pelitup muka dan sarung tangan bagi mengelakkan risiko jangkitan dan kontaminasi silang.
- g) Prosedur tidak dilakukan di tempat awam dan tidak berada berdekatan dengan orang lain bagi mengelakkan risiko jangkitan dan kontaminasi silang

Prosedur ujian:

- a) Mengambil sampel (air liur, calitan nasal dan lain-lain) secara sendiri seperti yang dinyatakan pada arahan penggunaan kit (kit instruction).
- b) Melakukan ujian menggunakan Kit Ujian Kendiri COVID-19 dengan cermat mengikut arahan penggunaan kit.
- c) Membaca keputusan pengujian dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti yang dinyatakan pada arahan penggunaan kit bagi mengelakkan keputusan yang tidak tepat.

Selepas melakukan prosedur:

- a) Memastikan semua alatan Kit Ujian Kendiri COVID-19 dimasukkan ke dalam plastik dan ikat dengan sempurna
- b) Melupuskan plastik yang mengandungi kit ini ke dalam tong sampah.
- c) Menjalankan disinfeksi kawasan prosedur dengan larutan disinfeksi yang bersesuaian selepas prosedur pengujian
- d) Mencuci tangan menggunakan sabun dan air selepas selesai menjalankan prosedur bagi mengelakkan pencemaran silang.

3.0 PELAPORAN KEPUTUSAN

- 3.1 Semua keputusan ujian Kit Ujian Kendiri COVID-19 sama ada positif, negatif atau invalid perlu dilaporkan secara self-reporting ke dalam aplikasi MySejahtera.
- 3.2 Pengguna bertanggungjawab melaporkan keputusan sebenar dan tidak melakukan pemalsuan keputusan bagi mencegah implikasi jangkitan kepada orang lain.
- 3.3 Sekiranya keputusan **ujian positif**:-
 - Wajib melaporkan keputusan ke dalam **MySejahtera** (tertakluk kepada Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342])
- 3.4 Sekiranya keputusan ujian negatif:-
 - Sekiranya bergejala, sila ke fasiliti kesihatan swasta atau klinik kesihatan untuk penilaian kesihatan.
- 3.5 Sekiranya keputusan ujian invalid, ujian perlu diulang.

4.0 KAWALAN DAN PEMANTAUAN KIT UJIAN KENDIRI COVID-19

- 4.1 Sekiranya kit ujian sendiri yang digunakan mempunyai masalah, orang awam dinasihatkan membuat aduan kepada establismen yang menjual kit ujian berkenaan dan pada masa yang sama turut memaklumkan kepada MDA jenama kit dan perincian tentang kit yang digunakan.
- 4.2 Pihak MDA turut memantau keselamatan dan prestasi kit ujian sendiri yang mendapat *Conditional Approval* ini dari semasa ke semasa.